

20/06/1998

Kuasa pasaran tidak dapat atasi kegawatan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kegawatan ekonomi yang dihadapi sekarang tidak akan dapat diatasi dengan hanya menurut kehendak kuasa pasaran, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, anggapan bahawa kuasa pasaran dapat memulihkan keyakinan mereka dan terhadap ekonomi negara sehingga menjadi lebih maju dan lebih kuat daripada dahulu hanya cerita dongeng.

"Dakwaannya kononnya kuasa pasaran adalah kuasa untuk kebaikan bagi mewujudkan kerajaan lebih telus, selamat daripada korupsi dan nepotisme serta bebas daripada segala jenayah pemerintahan adalah helah untuk menguasai atau menjajah semula sesebuah negara.

"Kuasa pasaran bukan kuasa untuk kebaikan, memperbaiki kerajaan atau memperbaiki amalan dan urusan kewangan negara yang menjadi sasaran. Ini kerana lebih tetap dan lebih besar keuntungan, lebih baik bagi kuasa pasaran," katanya menyampaikan ucapan dasar pada Perhimpunan Agung Umno ke-52, di sini hari ini.

Presiden Umno itu berkata, sebenarnya kuasa pasaran didorong semata-mata oleh keuntungan besar bagi mereka dan jika ada kebaikan sekalipun, ia adalah perkara sampingan.

Menurut Dr Mahathir, mengharapkan kuasa pasaran mewujudkan kestabilan tukaran wang, ekonomi dan politik adalah sama dengan menunggu takdir dan tidak membuat apa-apa satu pun untuk menyelamatkan diri sendiri.

"Ini kerana keuntungan kuasa pasaran sebenarnya datang daripada huru-hara atau kegawatan kewangan dan ekonomi sesebuah negara atau rantau akibat daripada serangan ke atas mata wang.

"Apakah sebabnya yang kuasa pasaran harus menstabilkan keadaan supaya keuntungan tidak lagi boleh didapati oleh mereka? Justeru, adalah tidak logik kononnya untuk memulihkan ekonomi dan kewangan, kita harus membuat apa yang disuruh oleh kuasa pasaran," katanya.

Dalam ucapannya yang tertumpu kepada tipu helah kuasa pasaran dan bagaimana negara harus mengatasinya, Perdana Menteri berkata serangan mereka bukan saja terhad kepada sistem kewangan dan ekonomi, malah politik.

Menurutnya, mereka menjalankan kempen memburuk-burukkan pemimpin dengan mendakwa bahawa kepemimpinan yang ada sekarang menjadi penghalang kepada pemulihan ekonomi dan tidak tahu selok-belok sistem kewangan dunia moden.

"Apabila suasana menjadi keruh dan politik menjadi tegang, masalah kegawatan ekonomi tidak dapat ditangani lagi dan keadaan ekonomi menjadi lebih buruk.

"Akhirnya kegawatan menjadi lebih dahsyat, pemimpin tidak dapat bekerjasama dan salah satunya akan jatuh. Walau siapapun yang berjaya, serangan ke atas negara akan diteruskan sehingga pemimpin yang dipilih tunduk kepada kuasa asing," katanya.

Menurut Dr Mahathir, apabila keadaan ini berlaku, ekonomi akan dibuka untuk dana dan syarikat asing masuk serta mengambilalih syarikat besar tempatan.

"Waktu itu mereka akan pulih semula ekonomi dan nilai mata wang. Ini mudah dilakukan kerana mereka akan mendakwa keyakinan mereka sudah kembali dan oleh itu nilai ringgit boleh dinaikkan," katanya.

Perdana Menteri berkata, sebenarnya dengan pemulihan ekonomi, ringgit yang dibeli oleh pedagang mata wang pada harga rendah berbanding dolar pada satu ketika dulu akan naik harganya dan memberikan keuntungan besar

kepada mereka.

"Jika mereka membeli ringgit pada harga RM4 setiap satu dolar Amerika dan mereka pulihkannya sehingga RM2.50 satu dolar, mereka untung RM1.50 bagi setiap dolar mereka guna untuk membeli ringgit.

"Dalam mata wang dolar Amerika, apabila satu dolar bernilai RM2.50, keuntungan RM1.50 samalah lebih kurang dengan 60 sen duit Amerika, iaitu keuntungan 60 peratus bagi setiap dolar Amerika yang mereka gunakan dahulu untuk membeli ringgit," katanya.

Dr Mahathir berkata, perkara yang sama juga berlaku dengan saham yang akan memberikan keuntungan modal apabila ekonomi pulih menyebabkan harganya kembali tinggi selepas dijatuhkan melalui penjualan saham berkali-kali.

"Melalui cara ini, mereka mendapat keuntungan dua kali, sekali dengan kenaikan nilai ringgit, sekali lagi dengan kenaikan nilai saham," katanya.

Menurutnya, Malaysia sedikit sebanyak masih dapat mempertahankan syarikat tempatan daripada dikuasai pihak asing yang hanya boleh memiliki peratusan terhad dalam firma dan bank Malaysia, iaitu 30 peratus.

Selain itu, Perdana Menteri berkata di rundingan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO), Malaysia masih mempunyai suara untuk mempertahankan diri, walaupun ia sudah tinggal keseorangan.

Katanya, Malaysia mungkin terpaksa membuka ekonominya 100 peratus kepada orang asing jika ia meminta bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

"Sudah tentu tidak akan ada kuota Bumiputera kerana Dasar Ekonomi Baru dianggap sebagai suatu ketidakadilan, kononnya tidak boleh diterima oleh demokrasi liberal mereka.

"Apabila keadaan itu berlaku, jutawan tempatan akan diganti dengan jutawan asing yang mendakwa mereka terdiri daripada orang yang betul-betul layak dan bukan suku-sakat pemimpin politik negara," katanya.

(END)